

21/01/2003

Lima Adun Umno sedia undur diri dikenal pasti

IPOH: Lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno di Perak yang menyatakan hasrat untuk berundur pada pilihan raya umum akan datang ialah muka lama yang sudah berkhidmat sekurang-kurangnya dua penggal.

Mereka ialah Adun Hulu Kinta, Datuk Mazidah Zakaria; Adun Sungai Manik, Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Rahim; Adun Selama, Datuk Mohd Ali Mohd Isa; Adun Pangkor, Datuk Mohamad Wajdi Datuk Ishak; dan Adun Alor Pongsu, Datuk Qamaruz Zaman Ismail.

Mohd Nazri adalah wakil rakyat pertama di Perak yang mengumumkan persaraannya di khalayak ramai pada satu majlis baru-baru ini selepas menyatakan hasrat itu kepada Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Beliau yang sudah empat penggal menjadi wakil rakyat menyatakan kesediaannya berundur bagi memberi peluang kepada muka baru.

Mohd Nazri pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri mulai 1990 dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 1995 dan memegang jawatan itu selama satu penggal.

Mazidah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Hal-Ehwal Wanita negeri ketika dihubungi mengakui ada menyatakan hasrat untuk berundur kepada Tajol Rosli.

Beliau sudah tiga penggal dipilih menjadi Adun Hulu Kinta dan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (Exco).

Sementara itu, Mohd Ali ketika dihubungi berkata, beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan bagi menentukan kedudukannya.

Mohamad Wajdi dan Qamaruz Zaman pula menyatakan hasrat berundur kerana menghadapi masalah kesihatan.

Semalam akhbar ini melaporkan lima Adun dari Umno di Perak sudah menyatakan hasrat untuk berundur daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu di ALOR STAR, seorang Adun Kedah dipercayai sudah mengemukakan surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain untuk berundur daripada pilihan raya umum akan datang.

Adun itu dikatakan mengemukakan surat berkenaan baru-baru ini, bertujuan meminta beliau dikecualikan daripada dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Sumber-sumber BN negeri berkata, menurut surat berkenaan, Adun terbabit juga dikatakan sudah bersedia untuk melepaskan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasannya kepada muka baru.

Di MELAKA pula, seorang Adun Umno dikatakan sudah menyatakan hasrat untuk berundur daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mod Ali Rustam, bagaimanapun berkata

pihaknya

sehingga kini hanya mendapat tahu mengenai hal itu daripada pihak lain dan

belum bertanya sendiri kepada Adun berkenaan.

"Jika dia benar-benar tidak berminat maka kita tidak menghalang dan sehingga kini kita belum ada apa-apa rancangan (rombakan kepimpinan) tetapi sekiranya pucuk pimpinan ada rancangan tertentu, kita ikut saja, kita tidak bantah," katanya.